



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	22/4/2021	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Batal kawassan balak jejas sumber air penduduk

Oleh Zaid Mohd. Noor

zaid.noor@mediamalaya.com.my

**SIK:** Kerajaan negeri disaran membatalkan kawasan pembalakan di Bukit Kerawai di sini selepas didapati mengancam sumber air bukit yang digunakan oleh penduduk di Kampung Tanah Liat dan Kampung Kerawai sejak tahun 1978.

Pengerusi Pertubuhan Perindungan Khazanah Alam (PeKa) Kedah, Mohd. Sobri Ramlee berkata, kawasan itu boleh diganti dengan kawasan baharu berimpak rendah dengan tidak mencemarkan sumber air penduduk.

“Bagaimanapun, syarikat pembalakan terlibat perlu memastikan sumber air dipulihkan seperti sedia kala sama ada dengan pembinaan kolam takungan baharu, sumber air bukit, takungan hujan atau sumber air daripada Syarikat Air Darul Aman (SADA),” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Innin lalu *Utusan Malaysia* melaporkan lebih 200 penduduk Kampung Tanah Liat dan Kampung Kerawai terpaksa menggunakan air yang keruh dan berselut untuk kegunaan harian selepas kolam tadahan air bukit di kampung tersebut tercemar sejak seminggu lalu.

Penduduk mendakwa bekalan air tersebut yang juga dike-



**PENDUDUK** kampung meninjau kolam air masyarakat yang menjadi sumber air kepada lebih 200 penduduk di Kampung Kerawai dan Kampung Tanah Liat. **SIK:** - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

nali air masyarakat menjadi keruh dipercayai berpunca daripada pembalakan di kawasan bukit di kampung terbabit.

Sementara itu, Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, syarikat pembalakan tersebut diminta mengambil tindakan segera bagi membantu memulihkan kolam tadahan yang tercemar itu.

Selain itu, Mohd. Sobri menambah, PeKa juga memohon Kajian Impak Sosial (SIA) dengan mendapatkan maklum

balas daripada penduduk dan jabatan berwajib sekiranya kerja pembalakan di kawasan itu tetap diteruskan selepas ini.

Katanya, pembalakan di kawasan itu juga perlu menjaga zon penampungan dan memastikan tahap pencemaran air yang rendah bagi menjamin keselamatan alam sekitar.

“Kerajaan negeri perlu melihat masalah ini dengan serius kerana masalah punca bekalan air tercemar bukan perkara baharu di negeri ini.

“Pencemaran air kerap kali

berlaku apabila terdapat aktiviti pembalakan seperti di Hutan Simpan Bukit Enggang, Hutan Simpan Gunung Inas, Hutan Simpan Gunung Bongsu dan Komplek Hutan Simpan Ulu Muda,” katanya.

Menurutnya, SADA juga perlu memastikan air dapat dibekalkan ke dua buah kampung itu mencukupi.

“Penduduk di dua kampung itu tertutamanya di kawasan tinggi dan di hujung kampung kerap mengalami gangguan bekalan air,” ujarnya.